

# UMNO adakan sesi penerangan

UMNO 4 FEB 2000

KUALA LUMPUR 3 Feb. — UMNO akan mengadakan sesi penerangan kepada pemimpin-pemimpin parti bagi membolehkan mereka mendapat maklumat yang betul untuk menjawab tuduhan yang dilemparkan oleh parti pembangkang.

Presiden UMNO, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata, sesi penerangan itu perlu memandangkan ramai pemimpin

UMNO tidak dapat memberi penjelasan kepada rakyat mengenai sesuatu tuduhan kerana tiada maklumat mengenainya.

Contoh ketara, katanya, pemimpin UMNO sukar untuk menjawab khabar angin mengenai kesihatannya semasa bercuti di Argentina baru-baru kerana tidak memperoleh maklumat yang betul.

“Kita telah memperingatkan semua pemimpin

UMNO bahawa khabar angin tentang kematian saya dan sakit saya sudah banyak kali dihebah dan tidak pernah benar.

“Mereka (pemimpin UMNO) boleh senang hati kata tak ada asas sama sekali. Yang bertanya (terpaksa) menunggu sehingga saya kembali ke tanah air ataupun terbukti (saya) sihat,” katanya kepada pemberita selepas mempeperusikan mesyuarat Majlis Tertinggi (MT) UMNO, di sini hari ini.

Perdana Menteri sebelum ini menyangkal dakwaan kononnya beliau terjatuh kuda di Argentina semasa dalam siri percutian selama tiga minggu ke luar negara.

Dr. Mahathir menyifatkan segala dakwaan mengenai kesihatan malah

kematiannya adalah perbuatan lazim yang dilakukan oleh pembangkang.

Khabar angin yang meletus itu turut menyebabkan kejatuhan harga saham di Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL).

Menurut Dr. Mahathir, banyak tuduhan dilemparkan terhadap UMNO antaranya dakwaan kononnya pemimpin parti melakukan rasuah, menyalahgunakan wang kerajaan, membina projek mega, tetapi malangnya tidak dapat diperbetulkan kerana ketiadaan penjelasan yang tepat.

Bagaimanapun katanya, menerusi sesi penerangan itu kelak anggota dan pemimpin UMNO akan didedahkan cara-cara menangkis tuduhan berkenaan.